

PPK Bantu Kurangkan Kebergantungan Import Beras Luar Negara
Bernama
8 Mac, 2014

KUALA TERENGGANU, 8 Mac (Bernama) -- Pertubuhan Peladang Kawasan Maras/Batu Rakit akan mengusahakan tanaman padi seluas 743 hektar tahun ini untuk membantu mengurangkan kebergantungan import beras daripada luar negara.

Pengurus PPK Maras/Batu Rakit Anuar Abdullah berkata projek yang dilaksanakan di beberapa kawasan di sekitar Kampung Maras itu dijangka akan mengeluarkan hasil lebih 3,740 tan.

Bercakap kepada Bernama di sini beliau berkata projek tersebut sekaligus akan dapat menambah pendapatan petani terbabit kerana harga padi sekarang meningkat daripada RM1,000 kepada RM1,400 setan.

Menurut Anuar hasil tanaman padi berkenaan telah mulai dituai kira-kira dua minggu lepas dan penuaian keseluruhannya dijangka selesai pada akhir bulan ini.

Katanya mengikut rekod, projek itu mengeluarkan hasil sebanyak lima tan sehektar.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020329>